

Koleksi setem khazanah dunia

Silver 21/6/2012. MS 2.

Mengumpul setem adalah antara hobi popular di dunia. Ramai penggemar setem sanggup membelanjakan wang yang banyak semata-mata untuk memiliki setem idaman.

Pengumpul setem sanggup melakukan apa sahaja, antaranya merantau ke luar negara hanya kerana mahu mendapatkan setem pilihan hati. Apabila sudah diperolehi, pastinya kegembiraan dan kepuasan jelas terbayang pada wajah mereka.

Peminat tegar setem, Nur Arianna Balqis Abdullah (Arianna), 20, berkata, dia menyukai setem kerana bentuknya yang pelbagai di samping variasi warnanya lain daripada yang lain.

Menurutnya, dia mula mengumpul setem sedekad yang lalu dan kini pelbagai jenis setem ada dalam simpanannya. Bukan sahaja setem tempatan malah setem dari luar negara juga menghiasi koleksi kesayangannya.

Arianna memberitahu, setem bahan koleksi bernilai dan boleh dijadikan satu pelaburan yang baik. Lebih-lebih lagi ia adalah artifak rekod sejarah sesebuah negara dan juga sumber ilmu pengetahuan.

"Setem banyak keistimewaan dan keindahannya. Namun, masih ada sesetengah



Poskad Marilyn Monroe yang turut mendapat sambutan orang ramai.



orang yang menganggap setem hanyalah kepingan kertas kecil yang ditampal pada bahagian atas sampul surat.

"Jika anda benar-benar mengamati setem tersebut, anda akan mendapati bentuk dan tebukan pada setem mewakili zaman serta perkembangan sejarah sesuatu negara," katanya ketika ditemui pada Himpunan Jutaan Belia di Putrajaya, baru-baru ini.

Sebagai pengumpul setem tegar, Arianna bukan saja menjadikan setem sebagai koleksi tetapi barangan seperti sampul surat, album tahunan dan sebagainya turut di kumpulnya.

Sejarah setem

Ber cerita mengenai dunia setem, sebenarnya setiap setem yang dihasilkan mempunyai cerita dan sejarah yang berkait rapat dengan pemerintahan dan teknologi pada satu-satu masa.

Setem, sampul surat hari pertama, lembaran kecil, lipatan, bungkusannya penyampaian, buku kecil setem, sampul surat hari peringatan, album tahunan dan album khas dipanggil filateli.

Perkataan filateli dikatakan dicipta oleh Georges Herpin di Perancis pada 1864. Ia berasal daripada dua perkataan Greek iaitu *philos* bermaksud mencintai dan *lataleiall* bermakna percuma.

Pada awalnya, ia meliputi kajian label yang mewakili pembayaran perkhidmatan pos. Dari situ, ia berkembang kepada kajian koleksi sistematik setem, poskad, sampul surat dan bahan pos lain.

Maka, tidak hairanlah ada yang sanggup berhabis ribuan ringgit hanya untuk memiliki koleksi setem sebelum merdeka. Ada juga yang sanggup merentasi benua untuk

menyaksikan sendiri pameran setem di sesebuah negara.

Tiada siapa yang mengetahui sejak bila filateli menjadi hobi. Bagaimanapun, ada yang menyatakan kegiatan mengumpul setem mula mendapat perhatian apabila album setem pertama dikeluarkan di England pada 1852.

Semakin ramai orang mula mengikuti aliran untuk mengumpul setem, menyumbang kepada

perkembangan filateli. Hobi ini tidak terhad kepada rakyat biasa dan mula berkembang di kalangan atasan termasuk golongan istana. Antara koleksi setem terbesar dan tertua dunia dikatakan dimiliki oleh Ratu England..

Peminat filateli tegar di Malaysia, memiliki persatuan sendiri iaitu Persatuan Filateli di Malaysia. Ia menjalin kerjasama rapat dengan Biro Filateli Malaysia dikendalikan oleh Pos Malaysia. Antara objektif penubuhannya adalah menukar persepsi masyarakat mengumpul setem bukanlah sekadar hobi tetapi aktiviti yang boleh membawa pulangan lumayan.

Pameran terbesar

Baru-baru ini, penulis berkesempatan singgah ke pameran setem di Putrajaya bersempena Himpunan Jutaan Belia 2012. Pameran anjuran Persatuan Filateli Malaysia kerjasama Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia itu mendapat sambutan luar biasa kalangan pengumpul dan peminat setem di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Remaja, Persatuan Filateli Malaysia, Tan Chee Hui berkata, pameran setem adalah cara yang paling baik untuk memberi pendedahan kepada khalayak ramai tentang cara mengumpul setem yang betul

Antara setem yang menarik perhatian pengumpul dan peminat setem.

di samping memberi peluang untuk mereka menghayati keindahan dan nilai setem itu sendiri.

"Malah, pameran sebegini juga mampu mempromosikan hobi murni kepada masyarakat dan juga memberi peluang kepada remaja mempamerkan koleksi mereka," katanya.

Chee Hui memberitahu, terdapat beberapa koleksi setem dan bahan filateli berupa sampul berselem, surat udara berselem, poskad berselem dan banyak lagi yang menarik perhatian orang ramai untuk melihatnya dengan lebih dekat.

"Antaranya, setem awal yang dikeluarkan sebelum 1990, sampul lama yang dikirim zaman *Federated Malay States, British Military Administration, Malayan Union* dan poskad yang memaparkan gambar *Marilyn Monroe*.

"Setem bertakung *Doraemon, Pokemon* dan setem 1Malaysia yang dipamerkan juga turut menarik perhatian pengunjung," kata beliau sambil menambah setiap setem yang dipamerkan itu memiliki tema tersendiri seperti setem bertemakan 1Malaysia, Selamat Datang ke Malaysia, *Malaysia Part of Asian, Malaya, Selangor, Wind, Horses, Cars, Tropical Fruits, Diary of a 19 year old girl, Malaysia Land of 9 Kings* dan banyak lagi.

Sesi jualan setem dan sampul surat juga ada dibuat pada hari itu dan sambutannya memang agak menakjubkan kerana masing-masing saling berebut untuk mendapatkan koleksi setem idaman hati.

Bagi yang tidak berkesempatan untuk menghadiri pameran setem sebegini usah risau kerana Pameran Setem Kebangsaan akan diadakan nanti di Melaka pada Oktober ini bersempena 750 tahun Melaka. Tentunya pameran ini akan menjadi pameran setem kebangsaan yang paling besar yang pernah diadakan di Malaysia. Jadi, buat pengumpul dan peminat setem, pastikan anda akan hadir pada pameran hebat tersebut.

Pengumpul,
peminat belajar
menghargai
paparan nilai
sejarah dan
perkembangan
negara



Sebahagian peminat setem yang begitu ceria kerana berjaya mendapatkan koleksi yang diidam-idamkan selama ini.